KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 24 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

24/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **PELAN DASAR OKU BERKAITAN 15 BIDANG SEDANG GIAT DILAKSANAKAN - KPWKM** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelan-dasar-oku-berkaitan-15-bidang-sedang-giat-dilaksanakan-kpwkm-438690 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1156338/pelan-dasar-oku-berkaitan-15-bidang-sedang-giat-dilaksanakan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/71529-pelan-dasar-oku-berkaitan-15-bidang-giat-dilaksanakan | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/kpwkm-strategic-plan-under-policy-on-pwds-currently-being-implemented-HH11529086 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280575/berita/nasional/pelan-dasar-oku-libat-15-bidang-giat-dilaksanakan---kpwkm | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2228228 | BERNAMA.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/23/nancy-shukri-policy-on-pwds-are-being-implemented-ensure-equal-rights-for-all/92500 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2228225 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **MPKK SARAWAK BAKAL DITUBUH UNTUK MENDENGAR PERMINTAAN KANAK-KANAK** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/23/mpkk-sarawak-bakal-ditubuh-untuk-mendengar-permintaan-kanak-kanak | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **'WALAU APA PUN KEADAAN KIMI, DIA SAHABAT BAIK SAYA DUNIA AKHIRAT'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1012704/walau-apa-pun-keadaan-kimi-dia-sahabat-baik-saya-dunia-akhirat | HMETRO.COM.MY |

24/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **KETUA POLIS WANITA PERTAMA PERLIS BERSARA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/ketua-polis-wanita-pertama-perlis-bersara/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **POLIS BURU PENGAMAL PERUBATAN ROGOL WANITA DI PUCHONG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1012740/polis-buru-pengamal-perubatan-rogol-wanita-di-puchong | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **SAMI WARGA ASING DIBURU BUAT SERANGAN SEKSUAL TERHADAP WANITA TEMPATAN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sami-warga-asing-diburu-buat-serangan-seksual-terhadap-wanita-tempatan-438743 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **WARGA EMAS RUGI LEBIH RM289,000 TERPEDAYA PELABURAN TIDAK WUJUD** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-lebih-rm289000-terpedaya-pelaburan-tidak-wujud-438682 | ASTROAWANI.COM |
| | https://bernama.com/bm/news.php?id=2228186 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/warga-emas-rugi-lebih-rm289000-terpedaya-pelaburan-tidak-wujud-IH11528617 | THESUNDAILY.MY |

24/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **'TAKTIK LAPUK GADIS SEKSI SOROK BAWAH PENTAS'** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280485/berita/semasa/taktik-lapuk-gadis-seksi-sorok-bawah-pentas | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **BUDAK 11 TAHUN MAUT DITETAK RAKAN BAPA TIRI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1012736/budak-11-tahun-maut-ditetak-rakan-bapa-tiri | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-kanakkanak-11-tahun-maut-ditetak-di-felda-sahabat-x8o9tji | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-11-tahun-maut-ditetak-di-felda-sahabat-438741 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1156445/budak-maut-ditetak-parang-rakan-bapa-tiri | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **10 ANAK TAJAAN TABUNG KEMANUSIAAN MPB-NSTP DIRAIKAN GLENEAGLES KUALA LUMPUR DI ZOO NEGARA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1156214/10-anak-tajaan-tabung-kemanusiaan-mpb-nstp-diraikan-gleneagles-kuala | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **AHLI KORPORAT SUMBANG VAN BUAT PELATIH OKU** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280514/edisi/selangor-kl/ahli-korporat-sumbang-van-buat-pelatih-oku | SINARHARIAN.COM.MY |

24/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **TOMPOK MONGOLIA, RONA KEBIRUAN PADA TUBUH BAYI BUKAN KESAN DIDERA** | |
| | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/09/1156128/tompok-mongolia-rona-kebiruan-pada-tubuh-bayi-bukan-kesan-didera | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **AHLI KORPORAT SUMBANG VAN BUAT PELATIH OKU** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280514/edisi/selangor-kl/ahli-korporat-sumbang-van-buat-pelatih-oku | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **OKU TERPERANGKAP SEJAM DALAM PARIT** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1012470/oku-terperangkap-sejam-dalam-parit | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/23/remaja-oku-tersangkut-dalam-parit-hampir-sejam/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **KOMITED JAYAKAN USAHA KPM ATASI BULI, GANGGUAN SEKSUAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1156089/komited-jayakan-usaha-kpm-atasi-buli-gangguan-seksual | BHARIAN.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/09/23/kpm-patut-terit-mutar-kes-beduan-keruga-seksual-ba-sekula-razi/ | TVSTV.MY |

24/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **[VIDEO] PEMANDU TEKSI CURI PARKIR, PATAHKAN 'WIPER' KERETA OKU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/23/video-pemandu-teksi-curi-parkir-patahkan-wiper-kereta-oku/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **3.4 JUTA WARGA EMAS PERLU FASILITI SESUAI** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/3-4-juta-warga-emas-perlu-fasiliti-sesuai/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **PENANTIAN LEBIH SEDEKAD WARGA EMAS MILIKI RUMAH SENDIRI JADI NYATA** | |
| | https://selangorkini.my/2023/09/penantian-lebih-sedekad-warga-emas-miliki-rumah-sendiri-jadi-nyata/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **KOMITMEN TINGGI IBU BAPA ELAK ANAK TERLIBAT GEJALA DADAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280442/berita/nasional/komitmen-tinggi-ibu-bapa-elak-anak-terlibat-gejala-dadah | SINARHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IMIGRESEN TAHAN 34 WARGA ASING DI PUSAT HIBURAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Imigresen tahan 34 warga asing di pusat hiburan



*Sebahagian GRO warga asing yang ditahan dalam operasi di sebuah pusat hiburan Jalan Pudu Ulu, Kuala Lumpur, kelmarin.* (Foto Hazreen Mohamad/BH)

**Kuala Lumpur:** Jabatan Imigresen Kuala Lumpur menahan 34 warga asing atas pelbagai kesalahan imigresen dalam operasi penguatkuasaan di sebuah pusat hiburan di Jalan Pudu Ulu, di sini, tengah malam kelmarin.

Pengarahnya, Syamsul Badrin Mohshin, berkata mereka yang ditahan terdiri daripada 15 lelaki dan 19 wanita membabitkan warga Thailand, Myanmar dan Laos, berusia lingkungan 25 hingga 40 tahun yang bekerja sebagai pelayan pelanggan (GRO), penari dan penyanyi di pusat hiburan berkenaan.

Katanya, antara kesalahan yang dikesan ialah menetap lebih masa, tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan menyalahgunakan pas.

"Operasi ini dibuat susulan aduan orang awam dan bertindak atas maklumat itu, risikan dijalankan selama dua minggu sebelum serbuan dilakukan," katanya pada sidang media tengah malam kelmarin.

Syamsul Badrin berkata, semua tahanan akan dibawa ke Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil untuk direman selama 14 hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 51(5)(b) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 6(1) (C) dan Seksyen 15(1) (C) akta sama serta Perkara 39(b) Peraturan Imigresen 1963.

Operasi kira-kira setengah jam yang bermula pada 11 malam itu disertai 40 pegawai dan anggota penguat kuasa jabatan itu.

BERNAMA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENERIMA BANTUAN HIDUP CERIA SELEPAS PEMBEDAHAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penerima bantuan hidup ceria selepas pembedahan

## Tabung Kemanusiaan Media Prima–NSTP bantu individu kurang mampu

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my




*Kakitangan Gleneagles Kuala Lumpur bersama penerima Tabung Kemanusiaan Media Prima–NSTP diraikan pada program 'Celebrating Our Heart Heroes' di Zoo Negara, semalam.* (Foto Hazreen Mohamad/BH)

**Kuala Lumpur:** Lega dan gembira, itu riak yang tergambar pada wajah ibu bapa apabila si kecil kesayangan semakin sihat dan membesar seperti kanak-kanak lain.

Ini kerana nasib anak mereka berubah selepas menjalani rawatan dan pembedahan komplikasi jantung hasil bantuan Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP diperoleh daripada sumbangan orang ramai dan badan korporat.

Catherine Teng Kai Xuan, 6, kini mampu tersenyum riang menikmati kehidupan selepas kesihatannya pulih hasil pembedahan jantung kedua November lalu di Hospital Gleneagles Kuala Lumpur dengan kos RM150,000.

Anak bongsu daripada tiga beradik itu disahkan menghidap penyakit jantung terbalik, jantung berlubang dan saluran darah ke paru-paru sempit, selain pernah menjalani pembedahan pada 2018.

Ibunya yang juga suri rumah, Lim Siew Lee, 43, berkata anaknya kini semakin aktif dan menjalani kehidupan biasa namun tetap perlu berpantang makanan berasaskan hijau bagi memastikan tiada alahan pada kesihatannya.

"Setakat ini kami memantau keadaannya melalui alat tekanan darah dua minggu sekali dan doktor menasihatkan supaya dia tidak makan rumpai laut atau aiskrim teh hijau kerana boleh menimbulkan alahan kepadanya.

"Selain itu, pakar juga menasihatkan supaya terus memberikan tumpuan sepenuhnya dan mengelakkannya daripada terjatuh.

"Sebagai persediaan untuknya memasuki sekolah tahun depan, doktor memberikan surat rujukan yang mengecualikannya daripada melakukan aktiviti lasak fizikal," katanya.

Catherine antara 10 kanak-kanak yang menjalani pembedahan di Hospital Gleneagles Kuala Lumpur bersama keluarga diraikan pada program 'Celebrating Our Heart Heroes' di Zoo Negara, semalam.

Ia bersempena Hari Jantung Sedunia pada 29 September depan yang bermatlamat memberi kesedaran mengenai kepentingan penjagaan jantung.

Kisah mereka pernah dipaparkan dalam akhbar *Berita Harian*, *Harian Metro* serta *New Straits Times* dan semuanya selamat menjalani rawatan dan pembedahan berjumlah RM511,203.26 di pusat perubatan terbabit.

### Nur Ayesha makin pulih

Sementara itu, keadaan Che Nur Ayesha Inara Che Muhammad Azri, 13 bulan yang menjalani pembedahan injap jantung terbalik atau 'transposition great arteries' (TGA) pada November tahun lalu kini bertambah baik.

Menurut ibunya, Syafiqah Walmasri, 24, berkata kesihatan anaknya semakin baik dan mula menunjukkan tanda aktif berbanding keadaan sebelum pembedahan.

Katanya, anaknya lahir normal namun wajahnya kebiruan, tidak mahu minum susu dan hanya menangis dan doktor menyatakan ia mungkin akibat masalah kuning berpanjangan.

"Namun ketika usianya dua bulan setengah, doktor kata dia ada masalah lain dan minta kami buat pemeriksaan lanjut dan baru tahu Inara ada masalah jantung.

"Kami sangat bimbang kerana pernah kehilangan bayi yang dilahirkan pramatang dan bertahan hanya dua jam... keadaan Inara ini sangat merunsingkan apatah kos pembedahan yang besar.

"Mujur dengan bantuan Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP, Inara akhirnya dibedah dan dia semakin sihat, cuma doktor nasihatkan supaya orang tidak dibenarkan mencium wajahnya, berada dekat dengan perokok dan pesakit kronik untuk mengelakkan kesihatannya terjejas," katanya.

Bagi ibu Vinveera Rao Veeran, K Manemekhalah 34, anak sulungnya semakin sihat selepas pembedahan ketika usia 14 bulan sekitar 2019.

"Sudah lima tahun usianya dan kami sekeluarga sangat bersyukur dia sembuh dan dia ada seorang adik berusia empat tahun.

"Masa dia dilahirkan, jantungnya berlubang dengan saiz 0.3 sentimeter dan pembedahan dibuat setahun selepas itu dan dia sihat sehingga sekarang dan memerlukan susulan doktor setiap satu atau dua tahun sekali," katanya.

Sejak penubuhan pada 1991, Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP membantu ramai individu kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan perubatan dan pembedahan menyelamatkan nyawa.

Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP menumpukan usaha menyokong tiga aspek meliputi bantuan perubatan, bantuan bencana dan komuniti yang memerlukan sokongan kewangan.

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP melalui akaun Bank Muamalat 1401 0008 8427 18 atau Maybank 5141 0532 3170.

Sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP layak mendapat pelepasan cukai.



*Siew Lee bersama Kai Xuan yang semakin ceria selepas pulih.*



*Syafiqah dan Che Muhammad Azri bersama Che Nur Ayesha ketika progam di Zoo Negara.*



*Vinveera Roa Veran (dua dari kiri) bersama ibu bapa dan adiknya.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EBIT FAIL SAMAN FITNAH CAPRICE, MONDY | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ebit fail saman fitnah Caprice, Mondy

**Kuala Lumpur:** Pendakwah bebas, Ebit Irawan Ibrahim Lew atau Ebit Lew yang terpalit kontroversi berhubung dakwaan gangguan seksualmemfailkan saman fitnah terhadap pempengaruh sosial, Caprice dan wanita Indonesia, Mondy.

Ebit Lew menerusi hantaran di laman sosial kelmarin, memberitahu tindakan itu diambil menerusi peguam yang dilantik, Datuk Akberdin Abdul Kader.

"Peguam saya, Datuk Akberdin sudah memfailkan saman fitnah terhadap Caprice dan Mondy di Mahkamah Shah Alam tadi (kelmarin)," tulisnya di Facebook.

Sebelum ini Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, berkata 13 akan dipanggil bagi membantu siasatan kes gangguan seksual dan fitnah membabitkan Ebit Lew serta pempengaruh media sosial, The Mondy Tattoo dan Caprice.

Mohd Shuhaily berkata, polis membuka dua kertas siasatan membabitkan Seksyen 376 Kanun Keseksaan atas kesalahan rogol dan Seksyen 500 kanun yang sama atas kesalahan



EBIT Lew bersama peguamnya, Datuk Akberdin Abdul Kader.

fitnah.

Katanya, siasatan kes berkenaan sedang diselesaikan berdasarkan dua laporan yang diterima.

"Pengadu Rita Restu Amanda (The Mondy Tattoo) membuat laporan di Shah Alam, berhubung gangguan seksual manakala Ebit membuat laporan selepas dia kembali dari luar negara.

"Sehubungan itu siasatan dijalankan terhadap kedua-dua laporan yang dibuat oleh The Mondy Tattoo dan Ebit Liew," katanya.

Sebelum ini, The Mondy dan Caprice membuat laporan polis berhubung gangguan seksual yang didakwa dilakukan seorang pendakwa bebas terkenal di negara ini terhadap Mondy.

Ebit Lew atau nama sebenarnya, Ebit Irawan Ibrahim Lew kemudian membuat laporan penafian berserta laporan fitnah di Balai Polis USJ 8, Subang Jaya, kelmarin.

Isnin lalu, polis Subang Jaya mengesahkan menerima laporan Ebit Lew berkaitan satu dakwaan fitnah sekembalinya dari luar negara.

Laporan polis dibuat pada jam 2.17 pagi itu susulan dakwaan pendakwah tersebut difitnah menerusi satu program bual bicara (podcast) di media sosial.

Pada 11 September lalu, media tempatan melaporkan The Mondy Tattoo mendedahkan cerita sebenar mengenai bantuan Ebit Lew menerusi program podcast khas yang dikendalikan Caprice.

Mohd Shuhaily berkata, pada masa ini pihak polis sedang melengkapkan siasatan dengan memanggil saksi-saksi yang dipercayai dapat membantu siasatan.

Beliau juga turut mengesahkan Mondy masih berada di Malaysia untuk proses melengkapkan siasatan.

"Saya juga ingin menjelaskan polis meminta Mondy menyerahkan telefon bimbit miliknya sebagai sebahagian daripada proses siasatan. Ini kerana kita perlu menyiasat segala kandungan dalam telefon bimbit miliknya bagi melengkapkan siasatan," katanya.

Ketika ditanya sama ada kenyataan bapa Mondy menerusi media sosial yang memohon maaf kepada Ebit Lew turut dijadikan bukti dalam siasatan, Mohd Shuhaily berkata kenyataan itu tidak memberi kesan terhadap siasatan kes berkenaan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SOROK BAWAH PENTAS! | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# SOROK BAWAH PENTAS!

## *Pusat hiburan tawar khidmat GRO warga asing diserbu JIM, 34 individu ditahan*

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Lapan individu warga asing termasuk seorang wanita sanggup menyusup dan merangkak di dalam lubang kecil di bawah pentas persembahan semata-mata mahu mengelak diberkas pihak berkuasa.

Bagaimanapun, helah itu terbongkar apabila tempat persembunyian mereka itu digeledah sepasukan pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam serbuan di sebuah pusat hiburan di Jalan Pudu Ulu di sini, kelmarin.

Tindakan wanita warga asing itu bersembunyi di ruang sempit menyebabkan dia mengalami luka di bahagian belakang badan serta tangan.

Pengarah Jabatan Imigresen Kuala Lumpur Syamsul Badrin Mohshin berkata, seramai 40 pegawai dan anggotanya melakukan serbuan di pusat hiburan itu jam 11.10 malam kelmarin.

Katanya, serbuan itu dilakukan pihaknya selepas risikan dijalankan selama dua minggu berhubung maklumat awam mengenai kegiatan tidak bermoral membabitkan warga asing di pusat hiburan itu.

"Seramai 38 individu warga asing diperiksa dengan 34 daripadanya membabitkan 15 lelaki serta 19 wanita berusia antara 25 hingga 40 tahun yang ditahan atas kesalahan tiada dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa dan salah guna pas lawatan sosial.

"Mereka yang ditahan membabitkan 14 lelaki Bangladesh dan seorang lelaki Myanmar dipercayai bekerja sebagai pelayan bar manakala 18 wanita warga Thailand serta seorang wanita warga Laos pula disyaki wanita pelayan pelanggan (GRO)," katanya selepas mengetuai operasi itu di pusat hiburan berkenaan di sini.

Syamsul berkata, ketika serbuan dilakukan, ada antara wanita warga asing itu didapati melakukan persembahan nyanyian.

"Kita percaya modus operandi mereka adalah dengan meletakkan selempang kepada gadis (GRO) yang mereka pilih untuk melayan mereka di meja.

"Bagaimanapun ketika serbuan, tiada wanita itu yang memakai selepang itu. Berdasarkan pakaian mereka yang seakan sama, kita juga syak kumpulan ini (GRO) mempunyai tema pada malam tertentu," katanya.

Beliau berkata, serbuan berkenaan adalah kali kedua dibuat di pusat hiburan itu.

"Semua warga asing yang ditahan dibawa ke Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil untuk direman selama 14 hari untuk siasatan lanjut mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

"Operasi seumpama ini akan diteruskan di pusat hiburan di ibu kota ini yang didapati melanggar peraturan Imigresen," katanya.



SEORANG wanita warga asing yang bertindak menyusup dan merangkak di dalam lubang kecil di bawah pentas persembahan semata-mata mahu mengelak diberkas.







ANTARA pelayan wanita warga asing yang ditahan dalam operasi di sebuah pusat hiburan di Jalan Pudu Ulu, kelmarin. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD



"Kita juga syak kumpulan ini (GRO) mempunyai tema pada malam tertentu
Syamsul

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'PARENTS, NGOS CAN HELP MINISTRY ATTRACT NON-BUMIS TO JOIN ARMED FORCES' | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |



*Defence Minister Datuk Seri Mohamad Hasan presenting the Best Overall Young Soldier award to Faddry Izhan Norhan at the passing-out parade of young male and female soldiers at the Army Basic Training Centre in Port Dickson yesterday.* BERNAMA PIC

**10PC TARGET**

# 'Parents, NGOs can help ministry attract non-Bumis to join armed forces'

**PORT DICKSON:** Defence Minister Datuk Seri Mohamad Hasan said the percentage of non-Bumiputeras in the armed forces, which stands at three per cent, is still low.

He said this should not be as protecting the nation was the responsibility of all people, irrespective of race and religion.

Mohamad called on parents and non-governmental organisations (NGOs) to help the ministry encourage non-Bumiputeras to join the armed forces.

"Despite efforts and programmes, the number of non-Bumiputeras joining the armed forces is still low.

"I do not think the lack of interest among non-Bumiputeras in joining the armed forces is due to salary since the rates are much better now.

"I hope parents and NGOs will help us promote more non-Bumiputera communities to join the armed forces, subsequently increasing the percentage to more than 10 per cent," he said after the passing-out parade at the Army Basic Training Centre (Pusasda) here yesterday.

Present were Armed Forces chief General Tan Sri Mohammad Ab Rahman and Army chief General Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan.

Mohamad said the ministry was looking into ways to improve the career development of members of the armed forces, and elevate their wellbeing and livelihood.

"We always provide the opportunity for members of the armed forces to develop themselves through furthering their tertiary education and help them build their careers.

"We have many diploma holders in various fields, and we will continue to help them progress."

Earlier, Mohamad said 1,013 young soldiers, comprising 661 males and 352 females, completed their basic military training, which started on March 27 and ended yesterday, at Pusasda.

"Generally, the intake of recruits is carried out three times a year.

"However, the intake of female soldiers (for basic military training) is carried out once a year, depending on the vacancies available or the quota that needs to be filled.

"Nevertheless, we hope to see more non-Bumiputeras joining the armed forces."

At the event yesterday, Faddry Izhan Norhan, 21, from Keningau, Sabah, was named the Best Overall Young Soldier and Nur Faraain Md, 21, from Bentong, Pahang, bagged the Best Young Female Soldier award.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HELPING THE POOR KEEP THEIR EYESIGHT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Helping the poor keep their eyesight

**By LO TERN CHERN**
andylo@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** One of the earliest signs of ageing will be failing eyesight.

Be it for myopia (near-sightedness), astigmatism (blur vision) or presbyopia (far-sightedness), prescription lenses can cost a bomb to the B40 community.

Unable to afford the expensive lenses that range from RM500 to RM4,000 each, these less fortunate people have a tendency to neglect their vision problems.

Various social organisations have stepped in to help them.

Peace and Harmony Home founder Tan Swee Ban said elderly people in need of aid seldom admit that they have vision issues.

"It takes a lot of coaxing to get them to go for eye checks," he said.

Penang Community Care (PCC) founding president Wendy Ang said the poor needed to save to get a pair of spectacles with multi-focal lenses.

"Several single mothers have approached us for help to get them the corrective spectacles," she said, added that the organisation also arranged for senior citizens to go for eye check-up or undergo treatments at government health institutions.

"We know many who have undergone cataract surgery. For those who only encounter a reading problem, the solution is easy – they just need a pair of reading glasses that costs as low as RM5 each," she added.

A volunteer who only wished to be known as Tan said that he paid special attention to those from underprivileged backgrounds who are suffering from vision problems. The 63-year-old encountered near- and far-sighted vision issues a few years ago.

"I picked up a pair of ready-made multi-focal glasses for RM1,300 but regretted it soon after. It gave me severe headache.

"Then, an optometrist recommended for me to get prescription lenses that cost RM2,500. It took me some time to save up enough money for it, but I can see clearly now," he smiled.

With his experience, Tan has been actively helping the less fortunate community with vision problems by engaging charitable groups and philanthropists to help them.

Optometrist Edric Tan, 35, said those aged between 40 and 55 formed the largest consumer group for multi-focal lenses.

"Custom-made multi-focal lenses can cost as much as RM4,000, but ordinary sets of between RM500 to RM900 are most popular among the people," he said.

Another optometrist, Thok Chuan Tan, 54, said the pricier lenses are worth it as they offer better optics with less distortion to reduce dizziness and allow a wider field of view.

Lions Clubs International governor for district 308B2 Dr Alan Thoo said almost 1,000 pairs of spectacles have been given out to underprivileged people this year.

About 90% of the recipients were students, he said.

He added that fellow Lions in Selangor also helped the needy to undergo cataract surgery for free since more than 15 years ago.

This year, about 100 people had the surgery.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'NEW SALVATION ARMY HOME CONDUCIVE FOR CHILDREN' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'New Salvation Army Home conducive for children'

**KUCHING: The Salvation Army's new home in Kota Samarahan provides a larger space for the children to play and grow in, said Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah.**

She said the new facility is also conducive for the organisation to expand its community programmes to make Sarawak a better place for all.

"This is the reason why the Sarawak government, through the Unit for Other Religions (Unifor), provided The Salvation Army with this 7.5-acre site with a 60-year lease.

"To assist them, Unifor also provided a RM4 million grant for the construction, with additional aid by Borneo Medical Centre which donated RM9 million to construct this new building," she said.

She said this when representing Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg to launch The Salvation Army Community Complex in Kota Samarahan, near here yesterday.

The new building, Fatimah noted, is the culmination of The Salvation Army's works to improve communities in Malaysia since 1938.

"In the 1950s, the then-Governor of Sarawak, Sir Anthony Abell, invited The Salvation Army to begin work with the Sarawak community as there were concerns with delinquency among children and young women, where they were not given proper education.



Fatimah meets with some of the Salvation Army children at the new premises.

"Since then, more than a thousand Sarawakian children and women have benefitted from the care and guidance provided by these formidable 'army without guns'," she pointed out.

"It was the members of this unique army who rolled up their sleeves and worked among the people to ensure that many children and young women who were abandoned, neglected, or orphaned were given the opportunity to be their very best.

"Like diamonds in the rough, they have all grown to be useful individuals."

During the Premier's visit to the new premises during the groundbreaking ceremony in 2021, Fatimah shared that Abang Johari was impressed with the work of The Salvation Army, most notably on its emergency relief services, where they had assisted the communities affected by flood and fire.

"And then during the Movement Control Order, The Salvation Army had also distributed food aid to 873 families and also 3,590 cooked meals in Kuching," she said.

The state government, she added, is grateful for The Salvation Army's work and services and is looking forward to a longer, lasting relationship to meet the needs of the people.

"But we cannot do this alone. We need eyes and ears on the ground to see and provide aid where it is needed," she said, while expressing her gratitude to all those involved in making this new home possible.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 18 HOMELESS AFTER FIRE GUTS THREE HOUSES IN JALAN KPG NANGKA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Firefighters at work putting out the last of the fire.

# 18 homeless after fire guts three houses in Jalan Kpg Nangka

SIBU: Eighteen people from three families were left homeless in the fire that razed three wooden houses at Jalan Kampung Nangka here yesterday morning.

One of the fire victims, Hajijah Ahmad Nawas when met said the incident happened in the blink of an eye.

"There were four us at home – my two daughters aged six and 11 years and my relative's son who is in his 20s," she said, adding that she was at the lower floor of the two-floor wooden house at the time of the incident.

"I was doing some sewing work when suddenly I heard something dropped. Initially, I thought it was the sound made by a cat, so I did not pay much attention to it," she told thesundaypost.

"Then, there was a smell of something burning, followed by the buzzing sound from the circuit breaker panel. I then decided to check the upper floor of the house, and was too shocked to see thick, black smoke coming from my sister's room."

The mother of four, whose two elder children were at work at the time of the incident, said the fire was raging fiercely and despite her panicky state, she ran downstairs and grabbed her younger two children to safety.

"It all happened so fast that I could not save any of our belongings, including our important documents," she said in between tears.

Meanwhile, Fire and Rescue Department (Bomba) Sibu chief Andy Alie said a distress call was received at 10.44am and teams from the Sungai Merah and Sibu Central fire stations were rushed to the scene.

According to Andy, 18 people from three families were left homeless in the incident.

"There were no injuries or casualties reported, and cause of fire and property losses are still under investigation," he said.

It was learnt that the fire victims are currently putting up at their relatives' homes.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FATIMAH: CHILDREN'S REPRESENTATIVE COUNCIL NEARS SETTING-UP | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 24 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Fatimah: Children's Representative Council nears setting-up

**KUCHING:** Sarawak is set to establish a Children's Representative Council to hear out the requests and voices of the groups concerned, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister said the move will be implemented under the Child-Friendly City initiative involving five local councils in collaboration with the district education office (PPD).

"This collaboration with PPD is also implemented to ensure that we can unearth the potential of those under the age of 18 and be appointed as representatives in the body concerned.

